



# BAB LIMA



## BAB V

### PENUTUP

Bab kelima ini merupakan bab penutup bagi tesis ini. Penulis akan membicarakan tentang keseluruhan tajuk perbahasan yang dibincangkan pada bab-bab terdahulu. Penulis membahagikannya kepada empat bahagian iaitu kesimpulan, kepentingan pengkajian teks klasik, kesan-kesan ma'rifah dan saranan-saranan yang diharap menjadi garis panduan terhadap pemahaman dan penghayatan konsep ma'rifah yang dibincangkan.

#### 5.1 Kesimpulan

Usaha-usaha mencungkil mutiara ilmu dari karya-karya lama bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan kepada minat, usaha yang bersungguh-sungguh, ketekunan dan penghayatan yang baik. Karya Imām al-Ghazālī iaitu *Risālah fī al-Ma'rifah* adalah fokus utama perbahasan penulis dalam tesis ini. Dalam usaha menyiapkan terjemahan risalah tersebut penulis menghadapi beberapa masalah. Untuk menghasilkan terjemahan yang terbaik, penulis telah beberapa kali menyiapkan draf terjemahan yang seumpama dengannya. Begitu juga penulis banyak merujuk kepada penyelia tentang masalah-masalah tertentu di dalam risalah yang perlu diperjelaskan. Penulis berharap proses sebegini akan mendekatkan lagi maksud terjemahan yang dikehendaki. Namun begitu bukan semua tajuk perbahasan yang dibincangkan dalam teks dimasukkan dalam bab tiga iaitu bab analisis terjemahan

akan tetapi sebagai satu garis panduan untuk ahli sufi menuju kepada *ma'rifah Allāh*. Untuk memperkuuhkan lagi perbincangan ma'rifah, penulis mendatangkan pandangan-pandangan tokoh sufi lain sebagai satu perbandingan awal. Ini menunjukkan bahawa perbahasan ma'rifah bukan sahaja dibincangkan oleh Imām al-Ghazālī bahkan oleh tokoh-tokoh sufi seperti Dhū al-Nūn al-Misrī, Rābi'ah al-'Adawiyyah, al-Muḥāsibī dan lain-lain.

Dalam bab kedua, iaitu perbincangan tentang ketokohan Imām al-Ghazālī, penulis menyimpulkan bahawa al-Ghazali adalah tokoh pemikir dunia Islam yang serba boleh. Gelaran untuk beliau "*Hujjah al-Islām*" mencerminkan ketinggian ilmu dan kemantapan jiwa seorang pejuang agama yang harus diambil pengiktiran dan tauladan oleh kita semua. Melihat kepada perjuangan Imām al-Ghazālī, beliau tidak lekang dari berhujjah menggunakan dalil *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* agar perjuangan yang dibawa tidak terpesong dari jalan kebenaran. Imām al-Ghazālī menjadikan jalan tasawwuf sebagai perjuangan terakhir beliau. Oleh itu konsep pentarbiyahan hati yang wujud dalam tasawwuf menjadi penawar kepada penyakit sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini.

Dalam bab ketiga iaitu konsep ma'rifah menurut Imām al-Ghazālī, penulis menyimpulkan bahawa konsep ma'rifah pada pandangan Imām al-Ghazālī merupakan cabang-cabang kerohanian yang wujud pada zaman awal kebangkitan Islam. Ma'rifah adalah ihsan. Martabat ihsan akan dicapai setelah hamba dapat menghayati iman dan melaksanakan Islam. Oleh itu setiap hakikat yang menyalahi syariat adalah ditolak.

Kejernihan hati adalah wadah bagi menerima *ma'rifah Allāh*. Kejernihan hati dicapai apabila hamba berjaya mendahului kepentingan akhirat daripada kepentingan dunia dan nafsu dalam kehidupan. Oleh itu keupayaan untuk mengenalpasti kelemahan diri seterusnya mempraktikkan kaedah yang dianjur dalam tasawwuf akan melahirkan insan yang bukan sahaja mendapat kesejahteraan di dunia bahkan mendapat kebahagiaan di akhirat.

Dalam bab keempat perbahasan adalah berkisar teks *Risālah fī al-Ma'rifah*, penulis menyimpulkan bahawa kandungan risalah menekankan kepada nafsu dan *aḥwāl-aḥwālnya*. Ini menunjukkan nafsu ‘*Ammārah* adalah halangan utama untuk manusia mencapai ma'rifah. Kekuatan nafsu ‘*Ammārah* dapat ditundukkan dengan penyucian jiwa (*tadhkiyyah al-nafs*) dengan berzikir, mengenal diri (*ma'rifah al-nafs*) dengan bertafakkur serta pengosongan hati dari akhlak-akhlak tercela (*takhliyyah*) dan pengisian hati dengan akhlak-akhlak yang terpuji (*taḥliyyah*). Teks risalah ini juga menyentuh tentang *aḥwāl 'ārifin*. Penulis menyimpulkan bahawa kehidupan dunia serta seisinya merupakan halangan besar kepada perjuangan orang-orang ‘ārif. Apabila halangan-halangan ini diatasi maka akan tersingkap kepadanya seluruh alam *malakūt*. Namun begitu bala-bala yang dikenakan kepada wali-wali samada bala diri, hati dan roh adalah tanda kecintaan wali kepada Allāh. Hasiinya, tenggelamlah wali ke dalam lautan keesaan Allāh Ta'ālā di alam *malakūt* sana.

## **5.2 Kepentingan Pengkajian Teks Klasik**

Tidak dapat dinafikan kepentingan pengkajian teks klasik amat banyak. Ianya secara umum pada setiap cabang ilmu dan secara khusus dalam ilmu tasawwuf itu sendiri. Oleh itu, usaha-usaha penterjemahan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu melalui tajuk yang seumpamanya akan menambahkan lagi koleksi terjemahan ilmiah di Malaysia. Apa yang penting, penemuan terbaru hasil pengkajian teks-teks klasik perlu diketengahkan dan diperaktikkan dalam sistem kehidupan masyarakat moden hari ini. Mutiara berhikmah dalam teks-teks klasik itu perlu dihidupkan sebagai cerminan hari ini. Walaupun keterbatasan bahasa berlainan serta gaya bahasa yang agak asing, namun setiap tajuk yang dibincangkan adalah terlalu bermakna bagi kita semua. Umat Islam tidak perlu mendahului garis panduan serta teori akhlak yang dikemukakan oleh ahli falsafah Barat akan tetapi, secara jujur mengadaptasikan keikhlasan buah fikiran dari pemikir-pemikir Islam di zaman silam seperti Imām al-Ghazālī dan yang seangkatan dengannya.

Untuk menyahut seruan itu, penulis merasakan pengkajian teks klasik Imām al-Ghazālī iaitu *Risālah fī al-Ma'rifah* diharap menepati keperluan sosial hari ini. Sehubungan itu, bagi memastikan usaha-usaha sebegini berterusan maka hendaklah diwujudkan badan-badan yang bertanggungjawab secara khusus menjaga dan menerbitkan warisan Islam ini agar terus kekal dan tidak hilang ditelan arus kepesatan zaman.

### 5.3 Kesan Ma'rifah

Hasil daripada penelitian tentang konsep ma'rifah pada pandangan Imām al-Ghazālī, penulis dapat mengambil beberapa faedah untuk dikongsi bersama, di antaranya ialah :

1. *Ma'rifah Allāh* akan memberikan keyakinan dalam diri setiap Muslim bahawa hanya Allāh Ta'ālā Yang Maha Kuasa menghidupkan dan mematikai semua makhlukNya, berkuasa memberi manfaat dan kemudaran kepada setiap hambaNya.
2. *Ma'rifah Allāh* dapat membentuk peribadi Muslim yang benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allāh Ta'ālā. Dengan itu, lahirlah masyarakat yang mempunyai budi pekerti yang mulia yang menjadi aset kepada pembangunan sesebuah negara selaras dengan kehendak Allāh Ta'ālā.
3. *Ma'rifah Allāh* menyedarkan kita bahawa kejernihan jiwa dan ketulusan hati adalah hasil dari *taqarrub* diri kepada Allāh Ta'ālā.
4. *Ma'rifah Allāh* mengajar kita mengenal Allah Ta'ala melalui perantaraan dunia. Dunia diumpamakan sebagai kebun kepada kehidupan di akhirat. Namun begitu, nafsu dan kehidupan dunia menjadi ancaman untuk sampai kepada ma'rifah tersebut. Oleh itu, ma'rifah dapat dicapai setelah kita

dapat mengenal tiga perkara iaitu hakikat kejadian diri, hakikat kehidupan di dunia serta hakikat alam kekal di akhirat.

#### 5.4 Saranan

Beberapa saranan yang akan penulis kemukakan ini diharap dapat diambil perhatian dan pengiktibaran kepada semua khususnya kepada pengkaji-pengkaji bidang ma'rifah. Di antara saranan tersebut ialah :

1. Menanam penghayatan konsep ma'rifah dalam kehidupan setiap individu Muslim. Oleh itu setiap individu hendaklah berusaha mempelajari ilmu tasawwuf sebagai langkah awal untuk mendalamai *ma'rifah Allāh*.
2. Menggalakkan kepada pengkaji-pengkaji tasawwuf atau orang yang ahli dalam bidang tasawwuf menghuraikan setiap istilah atau sebjek-subjek penting dalam ilmu tasawwuf seperti istilah *kashāf*, *nūr*, ilmu *laduni*, golongan awam, golongan *khawwaṣ* dan sebagainya ke dalam bahasa yang senang dan mudah difahami oleh masyarakat awam. Usaha ini akan dapat menarik minat masyarakat awam menerima tasawwuf disamping mengelak dari berlakunya kekeliruan dalam memahaminya.
3. Semua pihak hendaklah berganding bahu menyebarkan konsep ma'rifah ini ke dalam institusi masyarakat sama ada di sekolah, di pejabat, di khalayak umum

dan sebagainya agar segala perbuatan dan gerak kerja yang dilakukan itu semata-mata kerana keikhlasan hati.

4. Kementerian Pendidikan hendaklah menambah sistem pendidikan Islam yang sedia ada dengan memperkenalkan matapelajaran tasawwuf di peringkat rendah, menengah dan universiti.
5. Mensyaratkan pelajar-palajar muslim mendapat keluiusan yang cemerlang dalam matapelajaran akhlak dan tasawwuf Islam sebagai syarat memasuki mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta ( IPTA dan PTS ).
6. Menganjurkan simposium atau persidangan tasawwuf khususnya yang berkaitan dengan kerohanian Islam yang bertujuan menyedarkan masyarakat tentang pencapaian terakhir ahli sufi ialah untuk mencapai ma'rifah.
7. Pihak kerajaan hendaklah menggalakkan usaha-usaha penterjemahan dan penerbitan teks-teks klasik dalam semua bidang keilmuan khususnya dalam tasawwuf. Galakkan ini samada dengan menyalurkan peruntukan kewangan yang secukupnya atau mewajibkan tokoh-tokoh akademik yang berkemampuan menyumbangkan artikel-artikel yang berkaitan dan sebagainya. Ia juga termasuklah meninjau ke pusat-pusat pendidikan tradisional (pondok-pondok) di seluruh Malaysia dalam usaha mencari penterjemah-penterjemah melalui guru-guru pondok yang pakar dalam bidang tasawwuf. Hasilnya, usaha seperti ini bukan sahaja sekadar terjemahan ilmiah

atau suatu terbitan yang tercorok di dalam muzium atau di perpustakaan-perpustakaan, akan tetapi sebagai pembuka jalan kepada penghayatan semua pihak terhadap setiap subjek yang dikaji.

8. Pihak media massa hendaklah menyiarakan cerita-cerita dan informasi berkaitan dengan tokoh-tokoh sufi seperti Imām al-Ghazālī dan Rābi'ah al-'Adawiyyah. Ini bertujuan menarik minat masyarakat mendekati alam tasawwuf.